

10 MAR 2004

MKIM-Pusat

RM25 JUTA UNTUK BINA PUSAT PEMULIHARAAN ARTIFAK ISLAM

KUALA LUMPUR, March 10 (Bernama) -- Muzium Kesenian Islam (MKIM) dan

Yayasan Albukhary melabur sejumlah RM25 juta untuk menubuhkan Pusat Pemuliharaan MKIM bagi memelihara artifak Islam.

Pusat pemuliharaan di kawasan seluas lebih 1,100 meter persegi itu dilengkapi dengan teknologi canggih terdiri daripada empat makmal khas iaitu makmal basah, makmal organik dan bukan organik, makmal penghuraian dan bengkel gambar.

Pusat Pemuliharaan MKIM menawarkan perkhidmatan pemuliharaan giat dan pengembalian rupabentuk artifak, program latihan dan bengkel khas, kajian ke atas artifak, sejarah dan pemuliharaannya serta pengetahuan dan pengurusan maklumat dalam isu-isu pemuliharaan dan penjagaan bahan artifak, menurut kenyataan MKIM di sini.

Pusat pemuliharaan ini dikendalikan oleh Pakar Pemuliharaan Kanan Jerman Friedrich Zink, Pemulihara Pengarkiban Mohamed Razali Mohamed Zain, Pakar Pemulihara Kertas Lalith Kumar Pathak dan dibantu oleh 15 orang petugas berpengalaman dan terlatih khas dalam bidang terbabit.

Pembinaan pusat ini dijangka memenuhi keperluan negara serta rantau Asia Tenggara memandangkan keperluan tinggi terhadap perkhidmatan dan pakar-pakar dalam bidang penjagaan khazanah Islam lama.

MKIM lahir dari ilham bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad. Ia dibina oleh Yayasan Albukhary dengan sokongan kerajaan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Ia dibuka pada 12 Disember, 1998 dan merupakan satu-satunya muzium seumpamanya di Asia-Pasifik yang mempamer kesenian dan kebudayaan Islam.

-- BERNAMA

ZUZ JM RS